



Satelit A-SEANSAT-PG1 berjaya dilancarkan

Hilal Azmi

Jun 27, 2023 19:56 MYT



Pelancaran A-SEANSAT-PG1 dilakukan di Kosmodrom Vostochny, Rusia menggunakan roket Soyuz-2. - Gambar/ Angkasa-X

KUALA LUMPUR: Malaysia mencatatkan sejarah baharu apabila berjaya melancarkan satelit A-SEANSAT-PG1 pada jam 7.36 malam waktu Malaysia.

Pelancaran A-SEANSAT-PG1 di Kosmodrom Vostochny, Rusia menggunakan roket Soyuz-2 itu turut disaksikan secara langsung oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow dan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) Gs. Azlikamil Napiah.

Siaran langsung di empat lokasi di Malaysia itu membabitkan Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang; Pejabat MYSA, Kuala Lumpur; Pejabat GreenPro, Kuala Lumpur; dan Ibu Pejabat Perbadanan Ekonomi Digital Sarawak (SDEC), Kuching.

Berita Terkini



MALAYSIA

[KOLUMNIS]
Monopoli gula:
Jangan hanya ta
tebu di tepi bibi



DUNIA

Sumbang mahra
dengan anak, le
dakwa 'diperinta
dukun bunuh 7
kalau nak kaya-l



POLITIK

Bubar DUN: 97
peratus manifes
Kerajaan Negeri
Sembilan telah
ditunaikan -
Aminuddin



MALAYSIA

Misi dua beradil
tanggung moto:
5,000km, hayati
Aidiladha



MALAYSIA

Arahan berpinda
kosongkan rum
hanya melibatkan
setinggalan - Exc
Johor

Dapatkan
berita terkini
melalui emel
anda



Emel Anda

DAFTAR

Anda mungkin berminat pada artikel ini

- S&P Global kekalkan penarafan kredit berdaulat Malaysia (https://www.astroawani.com/berita-bisnes/s-p-global-kekalkan-penarafan-kredit-berdaulat-malaysia-425791?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20230628%20News-Keyword-malaysia)
- Tuntutan Sulu: Siri kemenangan Malaysia bukti kejayaan pertahan kedaulatan negara - Fahmi (https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tuntutan-sulu-siri-kemenangan-malaysia-bukti-kejayaan-pertahan-kedaulatan-negara-fahmi-425786?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20230628%20News-Keyword-malaysia)

Menurut Dr Sean Cheah, Pengarah Urusan Kumpulan Angkasa-X, pelancaran satelit ini membawa kepada era baharu dalam perkembangan ekonomi angkasa lepas bagi rantau ASEAN.

“Kesalinghubungan menjadi keperluan utama dan ketika ini masih banyak pengguna di rantau ASEAN belum terhubung menerusi internet.

“Justeru, menerusi teknologi angkasa lepas, kita mampu menjadi penghubung untuk menjana ekonomi baharu buat Malaysia,” katanya lagi.

Dengan pelancaran satelit PG1, ANGKASA-X akan memanfaatkan pengetahuan teknologinya ke arah pembentukan gugusan satelit ‘*Low-Earth-Orbit*’ (LEO) yang akan direka cipta dan dipasang di Malaysia dalam tahun akan datang.

Gugusan satelit ini akan bekerjasama dan berintegrasi untuk menawarkan perkhidmatan ‘*Satellite-as-a-Service*’ (SaaS) yang inovatif kepada negara-negara di ASEAN.

Cara lain mengikuti berita kami

- *Telegram*
(<http://bit.ly/37LkRRB>)

astro

(<https://www.astroawani.com>)

Dapatkan Baucar Tunai

Apakah bangsa anda?

